

Penguatkuasa AADK bergelut dengan penagih

SELASA 29 OGOS 2017 • SINAR HARIAN

Penguatkuasa AADK bergelut dengan penagih

KOTA BHARU- Diancam dengan senjata tajam hingga terpaksa bergelut beberapa kali tidak mematahkan semangat penguatkuasa Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Kota Bharu malah penagih yang cuba melarikan diri itu akhirnya berjaya ditahan dalam operasi di sekitar daerah ini awal pagi kelmarin.

Tindakan penagih itu yang bertindak agresif walau bagaimanapun akhirnya tumpas selepas bergelut dengan beberapa orang penguatkuasa dan menyerah diri dalam satu serbuan di Nilam Puri.

Ketua Pegawai ADDK Kota Bharu, Rizaridzuan Othman berkata, dalam ops berkenaan, 25 penagih telah ditahan di bawah Seksyen 31 Akta Penagihan Dadah 1983.

"Kita jalankan ops yang bermula sejak 16 Ogos lalu dan akan berakhir esok di sekitar kawasan Pengkalan Chepa termasuk di Kampung Chempaka, Rambutan Rendang, Ketereh malah di kawasan Melor.

"Kesemua Orang Kena Pengawasan (OKP) yang ditahan direman selama 14 hari di lokap AADK Pasir Mas di bawah seksten 4(1) Akta Penagihan Dadah 1983," katanya.

Rizaridzuan berkata, dari jumlah penagih yang ditahan terdapat kes pelanggaran syarat dan OKP yang melanggar syarat akan dikenakan tindakan di bawah seksyen 63 di atas siasatan langgar syarat.

"Serbuan dilakukan atas aduan keluarga dan orang awam memandangkan kesemua yang ditahan berada dalam peng-



Rizaridzuan (diri) turut memeriksa OKP yang ditahan dalam beberapa siri serbuan dadah sekitar Kota Bharu.

aruh dadah dan mengancam keselamatan keluarga dan komuniti setempat.

"Kita juga mengucapkan terima kasih kepada orang ramai yang semakin sedar ancaman penagih terhadap mereka dan membuat laporan segera kepada kami dalam usaha membanteras kegiatan penagihan secara habis-habisan di sekitar daerah Kota Bharu dan sekitarnya," katanya.